

03/12/1997

## Kabinet bincang harga minyak masak

KUALA LUMPUR, Selasa - Harga runcit minyak masak tulen kelapa sawit akan ditetapkan RM3.15 sekilogram (kg) manakala minyak masak campuran RM3.65 sekilogram apabila Skim Penstabilan Harga (PSS) dikuatkuasakan pada 1 Januari tahun depan jika cadangan itu diterima Kabinet esok.

Penetapan harga minyak masak itu dilaksanakan melalui penstabilan harga minyak sawit mentah (MSM) dalam negara yang ditetapkan sekurang-kurangnya RM1,400 setan metrik pada nilai pasaran semasa.

Harga runcit minyak masak tulen dan campuran kelapa sawit mengikut PSS ialah masing-masing RM1.70 dan RM1.90 bagi 500 gram; RM3.15 dan RM3.65 (satu kg); RM5.80 dan RM6.95 (dua kg); RM8.20 dan RM9.80 (tiga kg); RM12.80 dan RM14.10 (lima kg); serta RM40.50 dan RM44.50 (17 kg).

Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, berkata PSS akan dilaksanakan mengikut skim yang sama dilancarkan kerajaan pada 1995 tetapi disubsidikan sepenuhnya oleh pengeluaran minyak sawit dari kalangan peladang, estet dan pekilang.

Menurutnya, cadangan harga siling tetap itu akan dilaksanakan segera mengikut Akta Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit sebaik diluluskan Kabinet yang mengadakan mesyuarat mingguannya di Langkawi esok.

Katanya, pengeluaran minyak sawit akan memberi subsidi kepada pembekal bergantung kepada nilai kutipan Skim Penstabilan Minyak Masak yang dianggar bernilai RM70 juta untuk tempoh enam bulan berdasarkan harga MSM sebanyak RM1,700 setan metrik.

"Skim itu bakal menetapkan harga minyak sawit tulen (olein) seterusnya mengawal margin keuntungan di kalangan pembekal dan peruncit minyak masak supaya tidak berlebihan dan menekan pengguna," katanya pada sidang akhbar di kementerianannya di sini, hari ini.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan peniaga yang menaikkan harga barangan ketika kegawatan ekonomi sebagai tidak patriotik yang sama taraf dengan mensabotaj ekonomi negara. Mohamad menyifatkan peniaga yang menaikkan harga barangan ketika kegawatan ekonomi sebagai tidak patriotik yang sama taraf dengan mensabotaj ekonomi negara.

Kenyataan Dr Mahathir itu turut disokong pelbagai pihak seperti Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) yang menggesa pihak terbabit supaya tidak menaikkan harga barangan dan perkhidmatan dalam negara yang boleh membebankan pekerja.

Sehubungan itu, Dr Lim meminta pihak berkuasa mengadakan pengawasan pengedaran minyak masak lebih ketat dalam negara bagi memastikan bekalan itu tidak diseludup keluar berikutan penstabilan harga.

Kementerian juga akan mengadakan perbincangan dengan pihak terbabit bagi memastikan minyak sawit tulen yang disubsidi benar-benar untuk kegunaan dalam negara.

Dr Lim berkata, PSS akan dihentikan sekiranya harga MSM jatuh ke paras kurang daripada RM1,400 setan metrik bagi mengelakkan kerugian di kalangan pengeluaran.

Menurutnya, PSS dengan subsidi berjumlah RM26 juta pernah dilaksana pada Februari hingga Oktober 1995 apabila harga MSM di pasaran antarabangsa melambung sehingga melebihi RM1,400 setan metrik.

(END)